

*Artikel Penyelidikan*

# Tokoh Guru Inovatif Pahang: Zubaidah Mohaidin

Noor Rahmawati Alias<sup>1</sup>, \* Noor Arina Md Arifin<sup>2</sup>, Nurul Hashimah Mohd Rosli<sup>3</sup>, dan Che Norlyhawa Che Wisly<sup>4</sup>

<sup>1</sup> UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  0000-0001-5788-4343

<sup>2</sup> UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;  0000-0002-2900-0026

<sup>3</sup> UiTM Cawangan Kelantan; nhashimah5@gmail.com

<sup>4</sup> UiTM Cawangan Kelantan; norlyhawa98@gmail.com

\* Correspondence: rahmawati@uitm.edu.my; +60133595939

**Abstrak:** Temubual ini dijalankan bersama seorang tokoh pendidikan iaitu Puan Zubaidah binti Mohaidin yang berkhidmat sebagai guru prasekolah di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak, Kuantan, Malaysia. Tujuan temubual ini diadakan adalah bagi mengetahui latar belakang tokoh, cabaran dalam pendidikan prasekolah dan sumbangan serta pencapaian tokoh dalam dunia pendidikan khususnya pendidikan prasekolah melalui inovasi pendidikan beliau. Minat yang mendalam terhadap kerjayanya telah mencetuskan idea dan menonjolkan kreativiti beliau dalam menghasilkan NIBT (Nyanyi, Ingat, Baca, Tulis) untuk murid prasekolah dan tadika. Kaedah NIBT telah diperkenalkan sejak tahun 2005 dan telah berjaya meningkatkan kemahiran literasi murid serta membolehkan mereka membaca dan menulis dengan baik dalam tempoh tiga bulan. Puan Zubaidah pernah dinobatkan sebagai naib juara Guru Inovatif Peringkat Kebangsaan 2014, pemenang Cabaran Inovasi Zon Pantai Timur Kategori Awam 2016, dan sebagai ikon Guru Inovatif Pahang 2018. Secara keseluruhannya, Puan Zubaidah telah menghasilkan tiga inovasi iaitu NIBT, NIBT Jawi dan NIBT Sayangku yang digunakan untuk kanak-kanak prasekolah dan pemulihian. Penghasilan NIBT oleh Puan Zubaidah serta sumbangan kreatif beliau dalam kerjaya dapat dijadikan sumber inspirasi kepada masyarakat khususnya kepada guru-guru di Malaysia.

*Kata kunci:* Guru Inovatif, Prasekolah, NIBT, Inovasi pendidikan, Kemahiran literasi

DOI: 10.5281/zenodo.10020366



**Copyright:** © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Falsafah pendidikan di Malaysia memberi penekanan kepada usaha berterusan dalam melahirkan insan yang harmonis dan seimbang dalam pelbagai aspek, serta mewujudkan ahli masyarakat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta mampu memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Pendidikan prasekolah di Malaysia merupakan salah satu tahap utama pendidikan yang dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di samping tahap pendidikan rendah, menengah, lepas menengah, TVET, pendidikan khas serta pendidikan guru. Kerajaan menggariskan sembilan objektif pendidikan prasekolah dan antara objektif utamanya adalah memastikan pelajar dapat menguasai bahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan bagi membolehkan mereka membesar sebagai insan yang mampu mengamalkan nilai-nilai murni dalam masyarakat Malaysia yang

mempunyai kepelbagaian agama dan budaya. Pendidikan prasekolah merupakan akar pendidikan yang sangat penting untuk dijadikan permulaan benih cinta akan ilmu pengetahuan. Justeru, guru-guru yang dipilih mestilah mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi serta pengalaman yang luas tentang pendidikan awal kanak-kanak. Guru-guru harus kreatif dalam memainkan peranan penting untuk meningkatkan prestasi anak-anak pelajar.

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Dasar Pendidikan Prasekolah bertanggungjawab memberikan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 turut mengambil kira kepentingan pendidikan prasekolah. Anjakan 1 PPPM 2013-2025 menggariskan tentang penyediaan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa. Sasaran di bawah anjakan ini adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan awal persekolahan dan menggalakkan enrolmen pelajar. Justeru, transformasi pendidikan boleh dicapai dengan memperluaskan akses kepada pendidikan prasekolah yang berkualiti tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Antara tokoh yang sesuai dijadikan sumber inspirasi kepada masyarakat dalam bidang pendidikan prasekolah ialah Puan Zubaidah Mohaidin. Beliau merupakan seorang guru prasekolah yang berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak di Kuantan, Pahang. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan prasekolah dan beliau juga telah banyak mengharumkan nama sekolah sehingga ke peringkat antarabangsa. Masyarakat setempat dan bakal tenaga pengajar seharusnya meneladani keperibadian tokoh ini dalam menyumbang bakti kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Penyelidik mendapati bahawa belum ada penulisan ilmiah yang merekodkan secara rasmi dan menyeluruh tentang usaha dan kejayaan tokoh guru Puan Zubaidah Mohaidin, berdasarkan pembacaan dan pemerhatian penyelidik pada masa kajian ini dibuat. Penyelidik berhasrat untuk mengenal pasti siapakah Puan Zubaidah Mohaidin sehingga beliau amat disayangi dan disegani pelajar-pelajar serta guru-guru di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak. Kajian ini juga berfokuskan tentang apakah cabaran yang dihadapi beliau sepanjang perkhidmatan beliau sebagai pendidik anak bangsa. Selain itu juga, kajian ini berhasrat untuk meneliti apakah sumbangan dan pencapaian Puan Zubaidah dalam mengembangkan pembangunan pendidikan di Malaysia terutamanya di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak, Kuantan, tempat beliau menabur bakti.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih tepat serta terperinci berkaitan biodata tokoh ini, beserta pengalaman dan sumbangan beliau dalam usaha untuk menjadikan pendidikan prasekolah dan sekolah rendah menjadi lebih mudah dan menarik untuk pelajar dan para guru dengan cara yang kreatif dan santai.

## 3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian mengenai Puan Zubaidah Mohaidin dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti beberapa perkara sebagaimana berikut:

- 3.1 Latar belakang pendidikan dan peribadi Puan Zubaidah Mohaidin.
- 3.2 Cabaran yang dihadapi oleh Puan Zubaidah Mohaidin sepanjang menjadi guru di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak.

3.3 Sumbangan, pencapaian dan pengiktirafan yang diterima oleh Puan Zubaidah Mohaidin sepanjang menjadi guru di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak.

#### **4. persoalan kajian**

Bagi mencapai objektif yang telah dibentuk, terdapat tiga persoalan kajian yang perlu dijawab menerusi kajian ini. Antara persoalan kajian adalah:

- i. Apakah latar belakang Puan Zubaidah Mohaidin?
- ii. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Puan Zubaidah Mohaidin sepanjang menjadi guru di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak?
- iii. Apakah sumbangan, pencapaian dan pengiktirafan yang diterima oleh Puan Zubaidah Mohaidin sepanjang menjadi guru di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak?

#### **5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Menerusi kajian yang telah dilakukan mengenai Puan Zubaidah Mohaidin, penyelidik telah mengenal pasti beberapa kepentingan kajian tersebut. Puan Zubaidah Mohaidin telah banyak menerima anugerah di atas sumbangan beliau dengan penciptaan inovasi Nyanyi, Ingat, Baca, Tulis (NIBT). Kajian ini telah menerangkan segala pencapaian Puan Zubaidah Mohaidin menerusi inovasi NIBT tersebut dan dengan adanya kajian ini, masyarakat dapat membuka mata dan menyedari bahawa sesebuah inovasi sangat penting dalam bidang pendidikan mahu pun bidang-bidang yang lain. Selain itu, masyarakat terutamanya para guru atau bakal-bakal guru dapat mengangkat Puan Zubaidah Mohaidin sebagai suri teladan atau pun *role model*. Beliau merupakan contoh individu yang tekun dan masyarakat perlu mencontohi sikap Puan Zubaidah Mohaidin yang tidak mengenal erti penat dalam usaha untuk membentuk pelajar yang cemerlang di sekolah.

Penghasilan penulisan mengenai Puan Zubaidah Mohaidin juga mampu menarik minat masyarakat untuk menceburkan diri ke dalam dunia pendidikan. Menerusi kajian yang dilakukan mengenai Puan Zubaidah Mohaidin, beliau banyak menceritakan tentang keseronokan menjadi seorang guru khususnya menjadi seorang guru pendidikan awal kanak-kanak. Puan Zubaidah Mohaidin memberitahu bahawa beliau sangat teruja dan gembira ketika melangkah kaki ke kelas pada hari pertamanya sebagai seorang guru di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak. Keterujaan berjumpa murid-murid telah menghadirkan semangat untuk mengajar murid-murid sehingga mereka berupaya menjadi murid yang cemerlang. Keterujaan itu jugalah yang mencetuskan penghasilan NIBT oleh beliau. Menerusi karya ini, masyarakat dapat mengetahui bahawa profesion sebagai seorang guru adalah satu pekerjaan yang menyeronokkan walaupun harus menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk membentuk pelajar yang cemerlang dari aspek kurikulum mahupun kokurikulum.

Akhir sekali, kajian mengenai Puan Zubaidah Mohaidin juga telah memberi impak kepada perkembangan inovasi dalam dunia pendidikan. Umum mengetahui bahawa sesebuah penciptaan inovasi merupakan salah satu komponen utama dalam memastikan keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran para pelajar di dalam kelas. Penghasilan penulisan mengenai Puan Zubaidah Mohaidin yang merupakan Tokoh Guru Inovatif Pahang pada tahun 2018 sedikit sebanyak telah membuka mata para pendidik di sekolah masing-masing untuk menghasilkan inovasi yang efektif agar para pelajar dapat menimba ilmu dengan mudah dan pantas. Golongan pendidik dapat mengaplikasikan inovasi hasil daripada tangan mereka sendiri bagi membantu para pelajar. Puan Zubaidah Mohaidin juga banyak memberi pesanan kepada para guru untuk bersikap kreatif untuk

menghasilkan kaedah yang mampu memberi kesan positif yang besar terhadap murid-murid. Menerusi pemikiran yang kreatif, maka terhasilah inovasi yang mampu menyumbang kepada pembangunan sesebuah sekolah.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini, berdasarkan pembacaan dan pemerhatian penyelidik, bahawa tiada penulisan atau kajian rasmi dan komprehensif mengenai Puan Zubaidah Mohaidin telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang lain. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa rujukan yang boleh diguna pakai untuk dijadikan garis panduan. Rujukan-rujukan tersebut telah menceritakan perihal tokoh pendidik dan mengenai inovasi dalam dunia pendidikan.

Samsudin, Hassan dan Hasan (2013) menerusi kajian mereka berkenaan kreativiti guru dalam Pengajaran Pendidikan Asas Vokasional (PAV), berpendapat bahawa amalan kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat menarik minat, perhatian dan fokus para pelajar. Metodologi kajian ini adalah dengan menggunakan meta-analisis iaitu dengan dengan menganalisis dokumen dan menjalankan proses wawancara bersama para pelajar dan guru-guru dari sekolah menengah yang melakukan program PAV di Johor. Pengkaji berpendapat bahawa bakat kreativiti para guru boleh diasah dan dikembangkan dengan memperkenalkan kepada mereka pelbagai teknik, aktiviti, strategi serta pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam sesi pengajaran.

Yahya Buntat dan Lailinanita Ahmad (2012) telah menjalankan satu kajian dalam kalangan guru-guru teknikal bagi mengetahui perspektif guru berkenaan inovasi pengajaran dan pembelajaran. Seramai 40 guru teknikal dari beberapa buah sekolah menengah di Johor telah dipilih bagi melengkapkan kajian tersebut. Hasil kajian tersebut telah mendapat bahawa guru teknikal menggunakan inovasi dalam pengajaran di sekolah. Terdapat latihan-latihan khusus buat guru untuk melancarkan proses inovasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Namun begitu, terdapat segelintir guru yang mempunyai persoalan mengenai kaedah perlaksanaannya. Sungguhpun begitu, guru-guru tersebut telah mendapat kerjasama dari sekolah bagi memastikan proses pelaksanaan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran dengan lebih efektif.

Moolenaar, Sleegers dan Daly (2012) telah menjalankan kajian di 53 buah sekolah rendah berkenaan kerjasama dan interaksi yang efektif antara para guru bagi membolehkan mereka berkongsi pengalaman dan ilmu. Amalan ini didapati mampu untuk bertindak bagi meningkatkan prestasi akademik para pelajar seterusnya membantu menjulang nama baik sekolah. Hubungan kerjasama yang baik di antara para guru menjadikan mereka lebih yakin dalam penyampaian ilmu pengetahuan kepada para pelajar, menggalakkan suasana pembelajaran yang lebih efektif dan inovatif. Guru-guru akan lebih bekerjasama dan berganding bahu dalam menjalankan tugas mereka sebagai pendidik dan juga memenuhi piawaian yang digariskan oleh pihak kerajaan dalam pendidikan di negara mereka.

Para guru dianjurkan untuk membudayakan amalan kreativiti dalam pengajaran dengan menggunakan strategi pengajaran, persekitaran pembelajaran, proses penciptaan, idea-idea imaginatif yang bersesuaian, di samping aplikasi teknologi moden yang semakin popular dalam dunia pendidikan (Awi & Zulkifli, 2021). Kemahiran guru dalam bidang yang diajar juga telah dikaitkan dengan pengajaran kreatif. Guru-guru yang berpengalaman luas dan mempunyai keupayaan memilih sumber pengajaran dan bahan bantu mengajar, berpengetahuan mengenai kebolehan pelajar masing-masing, serta mempunyai sikap dan personaliti yang positif lebih berkebolehan untuk menjadi guru yang kreatif dan inovatif. Amalan pengajaran kreatif ini dianjurkan untuk dijadikan budaya di

peringkat awal pengajian dan seterusnya dijadikan amalan di peringkat pendidikan yang lebih tinggi (Mariani & Ismail, 2013).

Sebuah hasil penulisan Kamarul Azmi Jasmi, Ab Halim Tamuri dan Mohd Izham (2009) yang berjudul “Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (CGPI) Sekolah Menengah Kepada Allah SWT: Satu Kajian Kes” berkongsi tentang sifat guru cemerlang. Penulis telah melaksanakan pendekatan kualitatif dalam kajian mereka melibatkan lapan buah sekolah yang terpilih di Malaysia. Penulis menggunakan beberapa kaedah kajian termasuk kaedah temubual bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Penulisan ini menceritakan tentang lima sifat utama yang dimiliki oleh para guru cemerlang Pendidikan Islam yang membantu para guru tersebut untuk memiliki kerohanian yang cemerlang iaitu sifat amanah, ikhlas, berilmu dan beramal, bertakwa, khusyuk serta merendah diri.

Kajian seterusnya adalah hasil penulisan Noor Fadhlina Nawawi dan Kamarul Azmi Jasmi (2012) bertajuk “Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat”. Kajian ini menerangkan tentang model guru berkualiti berdasarkan dua perspektif yang berlainan iaitu pendidikan Islam dan barat. Penulisan ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada guru-guru tentang ciri-ciri guru yang berkualiti tinggi agar dapat dijadikan contoh.

Selain itu, sebuah kajian berjudul “Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam” oleh Ahmad Yunus Kasim dan Ab Halim Tamuri (2010) ini menceritakan tentang PPK yang terdapat dalam diri seseorang guru itu serta bagaimana kaedah mereka mengaplikasi PPK tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kelas. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memilih lapan orang guru cemerlang Pendidikan Islam sebagai responden bagi menyempurnakan kajian ini. Hasil daripada kajian ini, pembaca dapat mengetahui tentang ciri-ciri PPK dalam pengajaran akidah di sekolah.

Disamping itu, terdapat satu kajian yang dihasilkan oleh Wan Nazri Abdul Rahman dan Nurul Baizura Wan Mohamad Noor (2018) berkaitan peranan dan sikap pihak pentadbiran sekolah serta para guru prasekolah dalam melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017. Kajian ini menerangkan tentang tatacara pengurusan prasekolah oleh guru-guru prasekolah. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat sejauhmana perubahan dalam Standard Prasekolah Kebangsaan dapat mempengaruhi pelaksanaan kurikulum dalam sesebuah prasekolah. Cadangan daripada kajian ini juga menjuruskan kepada penghasilan bahan bantu mengajar yang mencukupi dan sesuai dengan sifat kanak-kanak yang gemarkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Kajian juga menunjukkan guru cemerlang merujuk kepada guru-guru yang diiktiraf oleh pihak kerajaan sebagai guru profesional yang mempunyai kriteria-kriteria cemerlang yang dapat membantu sekolah, rakan sekerja dan pelajar mencapai pencapaian yang cemerlang. Hasil kajian mendapati, dari perspektif profesionalisme dan keperibadian, guru cemerlang berperanan dalam perkongsian pengetahuan dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Guru cemerlang kerap dilihat sebagai jurulatih dan mentor dalam bengkel perkongsian kaedah pengajaran yang berkesan dan menarik di dalam kelas, dalam bidang pendokumentasian, serta sebagai pemudah cara antara guru dan pihak pentadbir sekolah, seterusnya mampu berperanan untuk menjulang nama sekolah ke peringkat yang lebih tinggi (Saidin, Dali dan Said Ambotang, 2016).

Awang Mohammad (2010) menyatakan bahawa sumbangan warga pendidik dalam bidang pendidikan di sekolah mahupun universiti amat penting kerana ia mampu menentukan naik dan turun serta kemajuan sesebuah negara. Oleh kerana penguasaan pengetahuan dan teknologi adalah atas kemajuan, peranan guru dan pendidik yang kreatif dan inovatif menjadi tonggak kejayaan pendidikan

dalam negara. Para guru dan warga pendidik seharusnya menguasai penggunaan teknologi pada masa kini yang kian moden berbanding dahulu bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian literatur yang telah dibuat menunjukkan inovasi dan kreativiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah salah satu elemen penting dalam memastikan ilmu pengetahuan dapat disampaikan dengan baik kepada para pelajar. Guru yang cemerlang adalah guru yang mepunyai sifat dan sikap yang positif yang sentiasa berusaha menjalankan amanah mendidik dengan sebaik mungkin. Peranan guru yang kreatif dan inovatif adalah signifikan untuk menjadikan suasana pembelajaran serta kandungan silibus disampaikan dengan lebih mudah dan menyeronokkan bagi para pelajar.

## 7. METODOLOGI

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah sejarah lisan. Kaedah sejarah lisan merupakan satu kaedah di mana memori dan kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh yang dipilih terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu.

Penyelidik telah memilih Puan Zubaidah Mohaidin, seorang guru prasekolah di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak, Kuantan Pahang. Tokoh ini dipilih untuk ditemubual kerana penyelidik tertarik dengan hasil-hasil inovasi yang dihasilkan oleh beliau sehingga beliau terkenal hingga ke peringkat antarabangsa.

Bagi prosedur pengumpulan data, penyelidik menggunakan kaedah temubual secara dalam talian bersama tokoh untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan diri beliau. Temubual tersebut telah dilakukan pada 17 Januari 2020 menerusi rangkaian dalam talian “Google Meet”. Kaedah ini digunakan bagi menggantikan temubual secara bersemuka sebagai langkah berhati-hati atas kekangan sosial melibatkan permulaan penularan wabak COVID-19 yang melanda Malaysia pada masa tersebut.

## 8. HASIL KAJIAN

### 8.1. Latar belakang Puan Zubaidah Mohaidin dan Pandangan Beliau Tentang Pelajar Prasekolah

Puan Zubaidah Mohaidin berasal dari Dungun, Terengganu dan dibesarkan di Kuantan, Pahang. Beliau dilahirkan pada tahun 1969 dan mendirikan rumah tangga dengan En. Arifin Abdullah yang berasal dari Pahang. Pasangan ini dikurniakan empat orang cahaya mata iaitu tiga anak lelaki dan seorang anak perempuan. Anak sulung beliau telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai dua orang cahaya mata, manakala anak-anak lain masih meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi dalam bidang masing-masing.

Puan Zubaidah merupakan anak ketiga daripada lima orang adik beradik. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pusat Dungun, Terengganu dan seterusnya di SK Teruntum, Kuantan, Pahang. Pendidikan menengah beliau adalah di Sekolah Menengah Air Putih dan Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib di Kuantan. Beliau kemudian melanjutkan pengajian ke Maktab Perguruan Kuala Terengganu, Batu Rakit dan tamat pengajian pada tahun 1993. Beliau terus bertugas sebagai guru prasekolah di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak pada 1993 sebagai sekolah pertama beliau dan masih lagi mengajar di situ sehingga kini. Beliau menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Institut Pendidikan Guru Tengku Ampuan Afzan, Pahang di Kuala Lipis dan

seterusnya menyambung pengajian peringkat sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2013. Beliau juga berhasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Kedoktoran (*Doctor of Philosophy*) di masa akan datang.

Prinsip hidup Puan Zubaidah ialah apabila kita melakukan sesuatu, buatlah dengan terbaik mungkin. Lakukan sesuatu dengan ikhlas dan jujur dan secara terbaik namun jangan sesekali merasakan diri kita adalah yang terbaik dan jangan merasa sombang dan membangga diri.

Puan Zubaidah selaku seorang yang cukup berpengalaman dalam pendidikan prasekolah menyatakan bahawa sikap pelajar prasekolah bukanlah cerminan kepada sikap mereka yang akan datang. Segelintir masyarakat masa kini suka menilai seseorang pelajar berdasarkan sikap mereka semasa kecil. Mereka mengatakan bahawa sekiranya kanak-kanak menunjukkan perangai yang kurang elok pada waktu mereka di prasekolah, perangai tersebut akan menjadi lebih teruk pada masa akan datang.

Puan Zubaidah memberi perumpamaan tentang sikap pelajar tersebut dengan rama-rama. Ulat yang berasal dari kepompong akhirnya keluar menjadi rama-rama berwarna-warni yang indah. Begitulah juga dengan sikap para pelajar, kita tidak boleh melabelkan apa-apa ketika mereka masih lagi mentah. Puan Zubaidah juga memberi contoh pelajarnya yang agak lemah semasa dalam prasekolah tetapi sekarang telahpun berjaya menyambung pengajian hingga ke peringkat universiti. Kata beliau, guru-guru perlulah mempunyai tahap kesabaran yang tinggi ketika menghadapi anak-anak pelajar seperti ini. Sebaliknya, guru-guru mestilah bersungguh-sungguh memberi dorongan dan ilmu kepada mereka serta bersikap adil.

### 8.2 Cabaran Sebagai Seorang Pendidik

Puan Zubaidah adalah seorang guru yang sangat cintakan kanak-kanak dan beliau menganggap segala cabaran merupakan satu semangat buat dirinya untuk terus bersungguh-sungguh mencapai segala keinginannya. Beliau sukakan tugas sebagai pendidik dan minat beliau kepada dunia pendidikan menjadikan hampir setiap detik adalah kenangan manis bagi beliau. Justeru, tiada cabaran besar bagi beliau dalam melaksanakan amanah yang diberikan, cuma sedikit cabaran dari segi kesihatan beliau sendiri. Kekangan umur dan kesihatan menyebabkan setiap aktiviti yang dilakukan oleh Puan Zubaidah agak terbatas namun bagi beliau itu bukanlah penghalang untuk terus menyumbang bakti kepada sekolah dan anak-anak pelajar.

### 8.3 Sumbangan Tokoh kepada Dunia Pendidikan

#### 8.3.1 Kaedah Nyanyi, Ingat, Baca, Tulis (NIBT)

Inovasi pengajaran yang menaikkan nama Puan Zubaidah Mohaidin dalam dunia pendidikan ialah sebuah inovasi yang bertajuk Nyanyi, Ingat, Baca, Tulis atau secara ringkasnya dikenali sebagai NIBT. NIBT merupakan inovasi yang dihasilkan oleh Puan Zubaidah Mohaidin dan telah diguna pakai sewaktu pengajaran dan pembelajaran bagi murid-murid prasekolah yang berusia dalam lingkungan empat hingga enam tahun. Tujuan NIBT dihasilkan adalah untuk membantu murid-murid prasekolah menguasai kemahiran menulis dan membaca dengan cekap dan berkesan serta pantas. Beliau telah menghasilkan NIBT yang pertama pada tahun 2005 yang bertajuk Kaedah NIBT Huruf.

Nyanyian merupakan teknik yang diguna pakai ketika proses NIBT dijalankan di dalam bilik darjah. Umum mengetahui bahawa nyanyian merupakan salah satu aktiviti yang mampu meningkatkan keupayaan untuk menghafal. Rata-rata masyarakat lebih mudah untuk menghafal lirik lagu berbanding menghafal perkara lain. Begitu juga dengan murid-murid prasekolah. Inovasi NIBT

melibatkan aktiviti nyanyian oleh murid-murid prasekolah di mana murid-murid dikehendaki untuk menyanyikan lagu berkaitan dengan kaedah penulisan abjad. Kaedah NIBT Huruf memperkenalkan huruf besar dan huruf kecil, dan sebanyak 17 huruf besar telah diperkenalkan kepada murid-murid iaitu huruf yang berbeza bentuk dari huruf kecil. Bagi huruf kecil pula, kesemua huruf telah diajar melalui lagu.

Puan Zubaidah Mohaidin telah menghasilkan lagu-lagu berkaitan dengan kaedah penulisan abjad agar murid-murid lebih cepat dan pantas untuk mengingati abjad dan bentuk abjad itu sendiri. Setelah murid-murid sudah menghafal lagu yang telah diajar di dalam kelas, mereka berupaya untuk membaca abjad-abjad tersebut. Akhirnya, anak-anak prasekolah mampu untuk menulis abjad-abjad yang telah diajar berdasarkan lagu yang mereka nyanyikan di dalam kelas. Selain nyanyian, NIBT juga memberi fokus kepada pergerakan anggota badan. Murid-murid prasekolah akan menggerakkan tubuh badan semasa menyanyikan lagu di dalam kelas.

Setelah kejayaan NIBT huruf yang dihasilkan pada tahun 2005, beliau telah menghasilkan sebuah inovasi yang bernama Kaedah NIBT Jawi. Jika NIBT huruf merupakan kaedah untuk menghafal dan mengenal abjad, NIBT jawi pula bertujuan untuk menghafal dan mengenal huruf jawi. Sama seperti NIBT huruf, NIBT jawi juga menggunakan teknik nyanyian dan pergerakan untuk membantu murid-murid menghafal dan mengenal huruf jawi dengan lebih mudah. Murid-murid akan diajar lagu-lagu mengenai cara menulis huruf-huruf jawi. Selain itu, Puan Zubaidah Mohaidin juga telah memperkenalkan kaedah menulis mekanisma kanak-kanak melalui NIBT.

Sesebuah inovasi menjadi lebih kukuh jika inovasi tersebut dibangunkan dengan sangat teliti dan melalui kajian yang mendalam. Puan Zubaidah Mohaidin telah membangunkan kaedah NIBT huruf dan jawi berdasarkan beberapa teori dan kajian yang telah dilakukan. Antara teori yang beliau jadikan rujukan adalah teori Piaget, Dewey, Howard Gardner dan Vygotsky. Kaedah NIBT telah dihasilkan berlandaskan teori-teori perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Selain itu, beliau melakukan kajian mengenai muzik dan gerakan. Itu merupakan salah satu faktor mengapa kaedah NIBT sangat berkesan kerana beliau telah melakukan kajian sebelum menghasilkan inovasi tersebut.

Selain NIBT, Puan Zubaidah Mohaidin juga telah melibatkan diri dalam inovasi doktor muda. Inovasi doktor muda telah berjaya melayakkan diri ke peringkat kebangsaan dalam kategori berkumpulan.

### *8.3.2 Impak Kaedah NIBT terhadap Murid-murid Prasekolah dan Sekolah*

Kaedah NIBT yang dibangunkan oleh Puan Zubaidah Mohaidin telah memberi pelbagai impak yang positif terhadap murid-murid prasekolah. Antara impak kaedah NIBT terhadap murid prasekolah adalah murid-murid prasekolah dapat mengenal huruf dengan mudah dan pantas. Hal ini kerana teknik nyanyian yang diperkenalkan oleh Puan Zubaidah Mohaidin menerusi nyanyian lagu mengenai bentuk dan kaedah penulisan huruf, membolehkan murid-murid prasekolah mudah mengingati huruf tersebut kerana mereka mudah menghafal lirik lagu yang telah diajar.

Gabungan di antara kemahiran yang berada dalam NIBT sangat kuat dan memberi impak yang sangat positif kepada kanak-kanak dalam menguasai kemahiran literasi iaitu membaca dan menulis. Anak-anak prasekolah dapat menguasai kemahiran literasi disebabkan kaedah NIBT yang sangat berkesan. Mereka dapat menguasai kemahiran literasi seawal usia empat tahun.

Apabila murid-murid prasekolah mempraktikkan kaedah NIBT, mereka dikehendaki untuk menyanyi dan menggerakkan badan. Oleh sebab itu, kaedah NIBT sedikit sebanyak memberi impak yang sangat tinggi kepada kognitif para murid prasekolah. Kognitif ialah sebuah proses untuk

memahami, mengetahui, mengenalpasti, mentafsir dan mengerti sesuatu. Dengan adanya kaedah NIBT, murid-murid prasekolah lebih mudah untuk memahami perkara yang telah diajar oleh guru-guru di peringkat prasekolah. Murid-murid juga lebih mudah mengerti dan bertindak balas terhadap apa yang disuruh oleh para guru.

Kaedah NIBT juga telah menarik minat murid-murid prasekolah untuk belajar. Hal ini demikian kerana kedah pembelajaran dan pengajaran menggunakan NIBT sangat menarik dan menyeronokkan buat murid-murid. Murid-murid prasekolah sangat tertarik dengan aktiviti nyanyian serta menggerakkan badan. Oleh itu, mereka lebih tertarik dan bersemangat untuk belajar selain mampu untuk mempelajari huruf dan huruf jawi dengan sangat pantas.

Seterusnya, menerusi NIBT jawi yang dihasilkan oleh Puan Zubaidah, kaedah tersebut telah banyak membantu guru agama. Tugas guru agama di sekolah adalah untuk mengajar subjek Agama Islam. Murid-murid prasekolah tidak begitu mengenali huruf-huruf jawi kerana huruf jawi jarang dipaparkan berbanding dengan huruf biasa. Kaedah NIBT jawi telah memudahkan proses menghafal dan menulis huruf-huruf jawi dari huruf alif hingga ke huruf ya. Dengan menggunakan kaedah NIBT jawi, anak-anak prasekolah dapat menyanyi dan menghafal huruf-huruf jawi serta kaedah menulis huruf tersebut dengan lebih mudah.

Akhir sekali, impak kaedah NIBT huruf dan jawi ialah mampu melonjakkan nama sekolah ke peringkat yang lebih tinggi. Menerusi kaedah NIBT yang telah dihasilkan, pelbagai anugerah yang telah diraih sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun di peringkat antarabangsa. Hal ini demikian kerana kaedah NIBT yang dihasilkan oleh Puan Zubaidah Mohaidin sangat efektif dan berkesan terhadap murid prasekolah. Kaedah NIBT dikatakan sangat berkesan kerana melalui kaedah tersebut, kanak-kanak seawal usia lima tahun mampu untuk membaca dan menulis dengan sangat kemas dan teratur. Segala pencapaian dan anugerah yang diraih oleh Puan Zubaidah menerusi kaedah NIBT sedikit sebanyak telah menaikkan nama beliau serta sekolah ke peringkat yang lebih tinggi serta menjadi sekolah contoh di Malaysia.

### *8.3.3 Cara Perkongsian Kaedah NIBT Bersama Guru-guru dan Ibu bapa*

Kaedah NIBT yang dibangunkan oleh Puan Zubaidah Mohaidin merupakan satu inovasi yang sangat efektif terhadap murid-murid prasekolah. Oleh itu, beliau telah berkongsi kaedah NIBT bersama guru-guru yang lain agar faedah kaedah NIBT dapat dirasai bersama.

Salah satu kaedah perkongsian kaedah NIBT adalah melalui aktiviti *roadshow* ataupun dalam Bahasa Melayu adalah jelajah atau jerayawara. Puan Zubaidah Mohaidin terlibat dengan aktiviti jelajah di bawah anjuran Jabatan Peringkat Negeri dan melalui Bahagian Pendidikan Guru pada tahun 2018. Beliau telah turun padang dan pergi dari satu negeri ke satu negeri di Malaysia bagi berkongsi kaedah NIBT kepada guru dan masyarakat. Beliau telah menyalurkan kaedah NIBT di peringkat negeri kepada semua guru sekolah rendah serta masyarakat di Malaysia. Beliau memastikan agar kaedah NIBT dapat dikongsi bersama dan murid-murid prasekolah dapat menggunakan kaedah NIBT semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Kaedah inovasi NIBT telah juga banyak disumbangkan kepada sekolah-sekolah rendah orang asli. Selain itu kaedah NIBT juga telah diperkenalkan di sekolah gelandangan iaitu Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih yang terletak di Kuala Lumpur. Hal ini kerana untuk memastikan agar anak-anak jalanan dan terpinggir mampu untuk meneruskan proses pembelajaran dengan mudah kerana kaedah NIBT amat berkesan bagi proses menghafal dan menulis huruf. Melalui aktiviti jelajah yang dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Guru pada tahun 2018, maka kaedah NIBT yang dibangunkan oleh Puan Zubaidah Mohaidin dapat disebarluaskan dengan lebih luas dan menyeluruh di seluruh Malaysia. Guru-

guru di seluruh Malaysia dapat menggunakan kaedah NIBT semasa mengajar di dalam bilik darjah dan anak-anak murid dapat belajar mengenal huruf dengan lebih pantas dan mudah.

Seterusnya ialah perkongsian melalui aplikasi *Whatsapp* dan *Telegram*. Pada era globalisasi pada masa kini, rata-rata masyarakat mempunyai telefon bimbit kerana ianya bukan lagi kemahuan, bahkan telah menjadi keperluan kepada masyarakat. *Whatsapp* dan *Telegram* merupakan platform untuk berkomunikasi dan berkongsi pendapat. Puan Zubaidah Mohaidin telah membentuk kumpulan menggunakan *Whatsapp* dan *Telegram* bagi berkongsi kaedah NIBT yang telah beliau hasilkan. Kumpulan *Whatsapp* dan *Telegram* tersebut terdiri daripada para ibu bapa. Melalui kumpulan *Whatsapp* dan *Telegram* yang dibentuk, ibu bapa dapat mengajar anak-anak mereka di rumah agar anak-anak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan lebih pantas dan mudah. Bagi ibu bapa yang mempunyai anak autism, kaedah ini amat berkesan dan sangat digalakkan untuk mencuba kaedah NIBT. Kanak-kanak autism berjaya membaca dan mengenal huruf dengan tepat seawal tiga bulan.

Kumpulan *Whatsapp* dan *Telegram* tersebut bukan sahaja terdiri daripada orang Malaysia bahkan guru-guru daripada luar negara juga turut serta di dalam kumpulan tersebut. Guru-guru dan para pelajar tadika dari Jawa Barat, Indonesia juga turut serta berada di dalam kumpulan *Whatsapp* dan *Telegram*. Kumpulan *Whatsapp* dan *Telegram* merupakan plafform yang sangat mudah dalam usaha untuk berkongsi kaedah NIBT sama ada dikongsi di dalam negara mahu pun luar negara. Dengan kemudahan teknologi terkini, maklumat berkaitan NIBT dapat dikongsikan seluas mungkin.

#### *8.4 Anugerah dan Pencapaian Puan Zubaidah Mohaidin*

Jadual 1 memberikan maklumat tentang anugerah yang pernah diterima oleh Puan Zubaidah Mohaidin selepas beliau berjaya mencipta inovasi NIBT di sekolah. Beliau pernah dinobatkan sebagai Ikon Guru Inovatif Pahang dan menerima pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Jadual 1: Anugerah dan pencapaian Puan Zubaidah Mohaimin

TAHUN	ANUGERAH
2018	Ikon Guru Inovatif Pahang
2005, 2012, 2014, 2019	Johan Guru Inovatif Pahang
2000, 2009, 2016	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
2017	Ikon Guru Pahang
2017	Guru Bestari peringkat daerah
2018	Anugerah Permata Prasekolah
2012, 2013, 2015	Anugerah Jasa Bakti
2010	Anugerah Guru Cemerlang
2017, 2019	Finalis Anugerah Princess Maha Chakri Peringkat Antarabangsa
2011	Anugerah Mutiara Prasekolah Peringkat Negeri

Gambar 1 menunjukkan Puan Zubaidah bersama beberapa orang tokoh pendidikan negeri Pahang yang menerima anugerah pada sambutan Hari Guru peringkat negeri Pahang 2018 di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tengku Ampuan Hajah Afzan.



Gambar 1: Puan Zubaidah Mohaidin semasa dianugerahkan Ikon Guru Inovatif Pahang 2018  
Sumber: <https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2018/07/>

## 8.5 Pandangan Tokoh tentang Pendidikan Prasekolah

### 8.5.1 Tatacara Pengurusan Prasekolah

Berdasarkan pengalaman seorang yang telah lama melibatkan diri dalam bidang pendidikan prasekolah, tatacara pengurusan prasekolah bukanlah sesuatu yang mudah seperti yang dapat dibayangkan. Antaranya ialah pengurusan kurikulum yang merupakan sesuatu yang sangat penting tidak kira pada tahap pendidikan mana sekalipun. Bagi pendidikan prasekolah, kurikulum mestilah berlandaskan kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan iaitu KSPK. Segala aktiviti kurikulum prasekolah tidak sama dengan kurikulum tahap pendidikan yang lain dan harus mengikuti KSPK dan tidak boleh bercanggah dengannya.

Selain itu, pengurusan fail dan asset juga perlu diberi perhatian. Setiap rekod perlulah mempunyai kaedah penyimpanan yang baik termasuk rekod-rekod prasekolah. Guru-guru prasekolah merupakan individu yang bertanggungjawab dalam pengurusan rekod-rekod prasekolah. Mereka perlu menyimpan semua rekod tersebut di tempat yang sepatutnya dengan keadaan baik. Pengurusan kewangan dan pengurusan aset juga merupakan sesuatu yang tidak kurang pentingnya juga. Setiap aktiviti keluar masuk wang perlulah diuruskan sebaiknya dan perlu dicatat untuk rujukan masa akan datang. Dari segi pengurusan aset pula, guru-guru mestilah sentiasa peka dengan aset-aset di prasekolah. Sebarang kerosakan perlulah dilaporkan dengan segera bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini terjadi terutama pada kanak-kanak.

Seterusnya, pengurusan hal ehwal murid. Banyak perkara tentang hal ehwal murid perlu diuruskan oleh guru-guru prasekolah contohnya, tentang kehadiran murid. Guru-guru prasekolah bukanlah keseorangan, mereka dibantu oleh PPM iaitu Pembantu Pengurusan Murid. Mereka akan membantu guru-guru dalam menguruskan semua keperluan murid-murid.

### 8.5.2 Cara Meningkatkan Kualiti Pendidikan di Malaysia

Pendidikan adalah satu aspek yang sangat penting kepada masyarakat. Melalui pendidikan, masyarakat dapat menentukan hala taju hidup mereka. Masyarakat dapat menambah ilmu

pengetahuan melalui pendidikan. Rata-rata masyarakat telah mendapat pendidikan seawal 5 tahun di tadika. Kualiti pendidikan di Malaysia tidak kurang hebatnya. Pelbagai sekolah dan universiti telah dibangunkan di Malaysia agar masyarakat dapat pendidikan yang sewajarnya.

Terdapat pelbagai kaedah untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Namun menurut Puan Zubaidah Mohaidin, beliau berpendapat bahawa kualiti pendidikan di Malaysia dapat ditingkatkan melalui kreativiti dan inovasi. Menurut beliau, seorang guru yang mempunyai fikiran yang kreatif dan inovatif dapat mencetuskan pelbagai idea untuk membangunkan kaedah-kaedah pengajaran yang lebih efektif seperti kaedah yang telah beliau hasilkan. Berfikiran kreatif dan inovatif dapat membantu menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi jika solusi yang sedia ada tidak begitu berkesan. Kita mesti berusaha untuk mencipta alternatif yang lain agar segala urusan dapat dijalankan dengan mudah.

Seseorang guru yang berfikiran kreatif dan inovatif dapat menghasilkan teknik dan kaedah yang bersesuaian bagi membantu murid-murid untuk belajar. Jika seseorang murid itu tidak mempunyai minat untuk belajar, para guru seharusnya mempunyai alternatif atau kaedah untuk memupuk semangat ingin belajar dalam diri murid-murid. Sebagai contoh, guru-guru boleh menjalankan sesi pengajaran melalui video interaktif. Kanak-kanak sekarang lebih cenderung untuk menonton video terutama *Youtube*. Maka, guru-guru dapat menggunakan video bagi mengajar anak-anak yang cenderung untuk menonton video. Alternatif-alternatif lain juga boleh digunakan oleh para guru tetapi haruslah bersesuaian dengan minat murid-murid. Hal ini kerana para murid lebih tertarik untuk melakukan perkara-perkara yang mereka suka. Teknik paksaan untuk belajar adalah dilarang sama sekali kerana ianya akan menyebabkan murid semakin tidak berminat untuk belajar.

Guru yang penuh kreativiti dan inovasi dapat menterjemahkan matlamat dan kehendak kurikulum dengan menggunakan kaedah, teknik, pendekatan dan strategi. Segala kaedah yang hendak dibangunkan harus dikaji dengan lebih mendalam terlebih dahulu. Kajian hendaklah dibuat oleh para guru agar kaedah yang dihasilkan lebih kuat dan berkesan terhadap murid-murid. Puan Zubaidah Mohaidin telah melakukan banyak kajian berdasarkan teori-teori mengenai kanak-kanak agar kaedah NIBT yang dihasilkan lebih diyakini dan berkesan. Hasilnya, kaedah NIBT yang dibangunkan jelas sangat membantu dalam proses menghafal dan menulis dengan cepat dan mudah. Kaedah NIBT yang dihasilkan oleh beliau telah digunakan meluas di seluruh Malaysia dan juga di luar negara. Oleh sebab itu, beliau menasihati guru-guru untuk melakukan kajian terlebih dahulu sebelum menghasilkan teknik pembelajaran. Para guru juga hendaklah membuat penambahbaikan dari masa ke semasa agar teknik tersebut sentiasa relevan digunakan oleh murid-murid.

Cara lain meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia ialah dengan mengamalkan nilai murni. Nilai-nilai murni seperti bertanggungjawab, baik hati, hormat-menghormati, bertimbang rasa, bekerjasama dan sebagainya haruslah dipupuk dalam diri setiap guru. Jika guru-guru dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam diri mereka, sudah pasti mereka juga dapat menerapkan nilai-nilai murni ke dalam diri pelajar. Nilai-nilai murni yang diterapkan dalam diri murid sedikit sebanyak dapat membentuk seorang murid yang sangat cemerlang pada masa hadapan.

Guru yang suka berdaya saing juga dapat membantu untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Persaingan untuk menghasilkan kaedah pengajaran yang terbaik merupakan persaingan yang sangat sihat di antara guru. Guru-guru lebih bermotivasi untuk membangunkan teknik pembelajaran yang berkesan sekiranya wujud persaingan antara mereka. Teknik-teknik tersebut dapat diguna pakai oleh para murid agar mereka dapat belajar dengan mudah dan pantas. Guru juga hendaklah arif tentang teknologi-teknologi yang digunakan bagi tujuan pendidikan. Teknologi pada masa kini telah berkembang dengan sangat pesat. Perkembangan teknologi yang pesat sedikit

sebanyak telah memudahkan proses pembelajaran kanak-kanak. Guru-guru perlulah sentiasa cakna tentang teknologi-teknologi yang telah dihasilkan.

### 8.5.3 Nasihat Tokoh kepada Bakal Guru

Sebagai seorang guru yang sudah lama berkecimpung dalam dunia pendidikan, Puan Zubaidah Mohaidin telah memberikan pesanan dan nasihat kepada para pelajar yang akan melangkahkan kaki mereka ke dalam dunia pendidikan. Beliau berpesan bahawa bakal-bakal guru perlulah sentiasa bersedia dengan perubahan di dalam aspek pendidikan. Sistem pendidikan di Malaysia seringkali mengalami perubahan mengikut arus peredaran zaman. Bakal-bakal guru hendaklah sentiasa menyiapkan diri dari segi mental dan fizikal agar dapat menyesuaikan diri dengan sistem pendidikan yang baharu. Proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih mudah jika guru sudah memahami sistem pendidikan yang telah diperkenalkan. Dunia pendidikan di Malaysia semakin hari semakin mencabar dengan perubahan sistem pendidikan.

Selain perubahan dalam sistem pendidikan, bakal guru juga harus menyiapkan diri dengan perkembangan teknologi yang digunakan dalam bidang pendidikan. Teknologi pada masa kini berkembang dengan pesat hari demi hari. Bakal-bakal guru hendaklah sentiasa peka dengan perubahan teknologi khususnya teknologi yang diguna pakai ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Selain itu, guru juga harus banyak bersabar dengan karenah para pelajar. Para pelajar pada masa kini sangat terdedah dengan teknologi seperti telefon bimbit. Hampir semua murid mempunyai telefon bimbit mereka sendiri. Jika ibu bapa tidak memantau anak-anak mereka, murid-murid akan hanyut di dalam dunia media sosial. Hal ini akan menyebabkan murid-murid hilang minat untuk belajar kerana mereka lebih tertarik dengan dunia alam maya. Akibatnya, guru akan mengalami kesulitan bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kepada bakal guru, mereka akan berhadapan dengan situasi seperti ini. Mereka hendaklah sentiasa bersabar untuk berhadapan dengan para pelajar yang kurang minat untuk belajar dan pelajar-pelajar yang nakal. Selain kesabaran, bakal-bakal guru juga hendaklah kreatif untuk memikirkan solusi untuk menarik minat murid untuk belajar.

Akhir sekali, Puan Zubaidah Mohaidin juga berpesan kepada bakal guru agar mereka menjaga hubungan dengan ibu bapa. Ibu bapa merupakan orang-orang yang harus kita hormati dan sanjungi. Hubungan dengan ibu bapa hendaklah sentiasa dijaga untuk mengelakkan pertelingkahan dan rasa kurang senang. Sebagai bakal guru, mereka hendaklah sentiasa berkomunikasi dengan menggunakan tutur kata yang sopan dan lembut agar ibu bapa berasa selesa untuk berbual. Adab sopan ketika berkomunikasi dengan ibu bapa di rumah sedikit sebanyak akan dibawa ke sekolah. Guru-guru yang beradab sopan dengan ibu bapa sedikit sebanyak akan bersikap sopan juga dengan guru-guru yang lain. Hal ini akan menyebabkan hubungan sesama guru akan menjadi lebih akrab dan baik selain dapat mengelakkan dari perselisihan faham serta pergaduhan.

Bak kata Puan Zubaidah Mohaidin “guru haruslah memainkan peranan yang penting dalam menjayakan wawasan diri pelajar supaya menjadi pemangkin kepada pencapaian wawasan pendidikan negara.” Peranan guru sangat besar dalam membentuk keperibadian murid. Guru yang cemerlang akan membentuk murid yang cemerlang pada masa yang akan datang.

## **9. KESIMPULAN**

Kesimpulannya, individu yang bernama Zubaidah Mohaidin merupakan seorang figura yang sangat disegani dan dihormati di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak. Ketekunan dan ketabahan beliau sebagai seorang guru di sekolah tersebut telah mendorong beliau untuk melakukan inovasi yang sangat efektif dan diberi nama Kaedah NIBT Huruf pada tahun 2005. Beliau telah berkongsi kaedah NIBT menerusi jelajah yang dilakukan iaitu pergi dari satu negeri ke satu negeri. Selain itu, beliau juga telah menubuhkan kumpulan melalui aplikasi *Whatsapp* dan *Telegram* untuk berkongsi kaedah NIBT kepada seluruh ibu bapa di Malaysia dan juga guru-guru serta para pelajar dari Indonesia. Kaedah NIBT yang dihasilkan telah banyak membantu murid-murid prasekolah untuk mengenal huruf, membaca dan menulis dengan cepat. Menerusi kaedah NIBT tersebut, beliau telah berjaya meraih pelbagai anugerah berkaitan kreativiti dan inovasi. Seorang guru yang kreatif dan inovatif mampu untuk membantu murid-murid untuk mencari solusi bagi masalah yang dihadapi oleh mereka. Masyarakat terutamanya bakal-bakal guru seharusnya menjadikan Puan Zubaidah Mohaidin sebagai suri teladan dalam usaha untuk menjadi seorang guru yang cemerlang.

## Rujukan

- Awang Mohammad. (2010). Ketokohan Profesjon Perguruan. Medium Publication, Kuala Lumpur.
- Awi, N. A. L., & Zulkifli, H. (2021). Amalan kreativiti guru pendidikan islam dalam pembelajaran abad ke-21. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (Acer-J)*. eISSN2600-769X, 4(1), 40-54.
- Buntat, Y., & Ahamad, L. (2012). Inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru teknikal di sekolah menengah teknik dari perspektif guru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6(1), 44-58.
- Jasmi, K. A., Tamuri, A. H., & Hamzah, M. I. M. (2009). Keperibadian Guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Menengah Kepada Allah SWT: Satu Kajian Kes. In Prosiding World Conference On Muslim Education, Selangor: Kerajaan Negeri Selangor dan Islamic Academy, Cambridge, UK.
- Jasmi, K. A. & Nawawi, N. F. (2012). Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012]) bertempat di Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru pada 8-9 Mac 2012, 233-238. ISBN 99917-44-89-4.
- Kasim, A. Y., & Tamuri, A. H. (2010). Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran akidah: Kajian kes guru cemerlang pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 13-30.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Latar belakang. <https://www.moe.gov.my/pendidikan/pendidikan-prasekolah/latar-belakang>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Objektif Pendidikan Prasekolah. <https://www.moe.gov.my/pendidikan/pendidikan-prasekolah/obj-pendidikan-prasekolah>
- Mariani, A., & Ismail, Z. (2013). Pengaruh kompetensi guru matematik ke atas amalan pengajaran kreatif. In 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013) (Vol. 2020, pp. 2006-2010).
- Moolenaar, N.M., Sleegers, P.J., & Daly, A.J. (2012). Teaming up: Linking collaboration networks, collective efficacy, and student achievement. *Teaching and Teacher Education*, 28 (2), 251-252.
- Rahman, M. N. A., & Noor, W. N. B. W. M. (2018). Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017: Retrospeksi guru. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(3), 59-71.
- Saidin, K., Dali, M. H., & Ambotang, A. S. (2016). Peranan guru cemerlang Malaysia di sekolah. MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), 24. Diambil daripada <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/MANU/article/view/521/363>.
- Samsudin, M. Z., Hassan, R., & Hasan, A. (2013). Amalan kreativiti guru dalam pengajaran pendidikan asas vokasional (PAV). *PPI-UTM TESIC*.
- Sinar Harian (2018, 31 Julai). Mazlan, Zubaidah dinobat Tokoh Pendidik negeri Pahang. Diambil daripada <https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2018/07/>
- Zubaidah Mohaidin. (2020, Januari 17). Sumbangan Dan Peranan Seorang Guru. [Temubual].
- Zubaidah Mohaidin. (2017). Penggunaan kaedah nyanyian menerusi kit nyanyi, ingat, baca, tulis (nibt) dalam meningkatkan kebolehan menyebut dan menulis huruf Jawi di prasekolah. Thesis.
- Zulkiply Yaakob. (2009). Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Diambil daripada <https://zulprasekolah.blogspot.com/2009/>